



## **DOKUMEN SEBUT HARGA**

### **UNTUK**

**SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG,  
MENGUJI DAN MENYELENGGARA SISTEM *ACCESS DOOR* UNTUK  
PEJABAT SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA  
SEBUT HARGA MyCC(S) BIL. 13/2022**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC)  
Level 15 Menara SSM@Sentral,  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur.  
TEL: 03-2273 2277  
FAX: 03-2272 2293**

**Peringatan :**

PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI **MEMBACA DAN MEMAHAMI** KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA SEBELUM MENGEMUKAKAN TAWARAN SEBUT HARGA. PENYEBUT HARGA YANG MEMBUAT SEBUT HARGA TIDAK MEMATUHI MANA-MANA FASAL DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.

## ISI KANDUNGAN

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
1.0	KENYATAAN SEBUTHARGA	3
2.0	ARAHAN/SYARAT-SYARAT AM KEPADA PENYEBUT HARGA	3
3.0	PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN	5
4.0	MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT	5
5.0	PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA	4
6.0	PERTANYAAN	7
7.0	HARGA TAWARAN	7
8.0	MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK BALIK TAWARAN	7
9.0	TEMPOH SAH LAKU TAWARAN	8
10.0	SURAT SETUJU TERIMA SEBUTHARGA	8
11.0	TEMPOH PELAKSANAAN	8
12.0	PENAMATAN PERSETUJUAN	8
13.0	PERINGATAN MENGENAI RASUAH	9
14.0	PENERIMAAN SEBUTHARGA	10
15.0	SYARAT-SYARAT TAMBAHAN	10

<b>LAMPIRAN</b>	<b>NAMA LAMPIRAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
LAMPIRAN A1	MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI TEKNIKAL	12
LAMPIRAN A2	SURAT AKUAN PEMBIDA	13
LAMPIRAN A3	JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL	14
LAMPIRAN A4	CONTOH KATALOG PERKHIDMATAN	16
LAMPIRAN B1	MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI KEWANGAN	17
LAMPIRAN B2	SALINAN SIJIL AKAUN PENDAFTARAN DARI KEMENTERIAN KEWANGAN (BEKALAN/PERKHIDMATAN)	19
LAMPIRAN B3	SALINAN SIJIL AKAUN BUMIPUTERA DARI KEMENTERIAN KEWANGAN SEKIRANYA ADA	20
LAMPIRAN B4	LAMPIRAN Q	21
LAMPIRAN B5	BORANG KETERANGAN MENGENAI PEMBEKAL	25
LAMPIRAN B6	JADUAL TAWARAN HARGA	28
LAMPIRAN B7	SALINAN PENYATA KEWANGAN BAGI TIGA (3) BULAN TERAKHIR	31
LAMPIRAN B8	SENARAI NAMA PROJEK YANG PERNAH DILAKSANAKAN	32

Semua penyebut harga hendaklah mematuhi semua syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam dokumen pelawaan ini, melainkan setakat mana syarat-syarat tersebut ditolak atau diubah oleh pihak SURUHANJAYA.

## **1.0 KENYATAAN SEBUTHARGA**

### **1.1 Tujuan Sebutharga**

- 1.1.1 Sebut harga ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat dalam bidang perkhidmatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang yang berkaitan dan masih dibenarkan untuk membuat sebut harga pada masa ini untuk perkhidmatan yang tersebut di atas.
- 1.1.2 Pelawaan ini adalah terikat kepada arahan–arahan dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

### **1.2 Tempoh Sebutharga**

- 1.2.1 Tempoh Sebut Harga bagi perolehan ini adalah selama **9 hari kalendar bermula pada 08 Disember 2022 (Khamis)** dan **tarikh tutup sebut harga adalah pada 16 Disember 2022 (Jumaat)**.
- 1.2.2 Penyebut Harga hendaklah mengemukakan tawaran **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari pada 16 Disember 2022 (Jumaat)**. Tawaran yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengah hari **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.

## **2.0 ARAHAN/SYARAT-SYARAT AM KEPADA PENYEBUT HARGA**

**Penyebut Harga hendaklah mematuhi sepenuhnya syarat-syarat ini apabila menyertai sebut harga.**

### **2.1 KELAYAKAN UNTUK MEMASUKI SEBUT HARGA**

- 2.1.1 Semua syarikat-syarikat yang hendak menyertai sebut harga ini hendaklah terlebih dahulu **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang seperti berikut:
- i. **120401** : Alat Keselamatan, Perlindungan Dan Kawalan Perlindungan Dan Kawalan; dan/atau
  - ii. **120502** : Peralatan Pemantauan dan Pengesanan; dan/atau
  - iii. **210101 – 210107** : Hardware (low end technology) / Hardware (high end technology / Software / Software/System development/Customization and maintenance including data entry, data processing / Telecommunication/networking-supply

product, infrastructure, services Including maintenance / Data management / ICT security and firewall, Encryption, PKI, Anti-Virus;

- 2.1.2 Salinan surat Pendaftaran Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran. Jika tempoh pendaftaran telah ataupun hampir tamat, penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan telah dibuat.
- 2.1.3 Penyebut harga ini adalah terbuka kepada syarikat-syarikat **bertaraf bumiputera** ataupun **bukan bumiputera**. Bagi syarikat yang bertaraf bumiputera, salinan Sijil Taraf Bumiputera daripada Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan tawaran.
- 2.1.4 Sebut harga hendaklah dibuat di atas borang-borang yang telah disediakan (selepas ini dipanggil "Dokumen Sebut harga"). Borang-borang lain tidak diterima kecuali sebagai tambahan kepada borang asal yang mengandungi ruang-ruang yang sama dan serupa dari segi ukurannya.
- 2.1.5 Penyebut Harga mestilah mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh dan memiliki pengalaman dalam perkhidmatan berkaitan;
- 2.1.6 Penyebut Harga hendaklah mematuhi semua syarat dan terma yang ditetapkan apabila menyertai Sebut Harga. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat dan terma yang ditetapkan boleh menyebabkan penyertaan Penyebut Harga ditolak;

## 2.2 **TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK**

Sesi taklimat dan lawatan tapak adalah **wajib** dan akan diadakan sepertimana berikut:-

**Tarikh:** 12 dan 13 Disember 2022 (Isnin & Selasa)

**Masa:** 10.00 pagi hingga 4.00 petang

**Tempat:** Tingkat 15, Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Menara SSM @ Sentral, No.7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur

- 2.2.1 Sila bawa bersama salinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada). Hanya penama di Sijil Akaun Pendaftaran Syarikat sahaja yang

boleh menghadiri sesi taklimat atau lawatan tapak.

- 2.2.2 Syarikat tidak dibenarkan menghantar wakil selain dari penama di Sijil Pendaftaran Syarikat (sila bawa salinan Sijil Pendaftaran Syarikat semasa sesi taklimat/lawatan).
- 2.2.3 Syarikat digalakkan untuk memaklumkan terlebih dahulu tarikh dan masa lawatan tapak kepada pihak Suruhanjaya.

### **3.0 PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN**

- 3.1 Semua pembetulan / pindaan ke atas kesilapan – kesilapan yang dibuat hendaklah ditandatangani secara ringkas oleh orang yang menandatangani Dokumen Penyebut harga serta dicop dengan Cop Syarikat penyebut harga. Tandatangani ringkas dan pembetulan hendaklah dibuat dengan jelas dan setentang dengan kesilapan yang dibetulkan atau dipinda.

### **4.0 MAKLUMAT DAN PENGALAMAN SYARIKAT**

- 4.1 Penyebut Harga perlu menyediakan maklumat mengenai syarikat dengan melengkapkan **Lampiran B5** dan menyertakan **Profil Syarikat**.
- 4.2 Penyebut Harga perlu menyatakan pengalaman syarikat dalam perkhidmatan yang tersebut di atas dengan mengemukakan nama-nama dan alamat syarikat atau agensi yang terlibat. (**Lampiran B8**)

### **5.0 PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA**

- 5.1 Tawaran Sebut harga yang diserahkan hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:
  - i. **Kategori Teknikal**
    - (a) SATU (1) **DOKUMEN ASAL** berbentuk *hard copy* dan DUA (2) **DOKUMEN SALINAN** berbentuk *hard copy*.
    - (b) Semua dokumen sokongan termasuk borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah dijilidkan bersama dengan Tawaran Teknikal secara *ring bounded* agar tersusun rapi dan tiada keciciran maklumat.
    - (c) Ketiga-tiga Tawaran Teknikal di atas hendaklah diikat bersekali dan dibalut dengan *brown paper*

serta hendaklah ditandakan "**Kategori Teknikal**" di sebelah kiri atas sampul berkenaan.

ii. **Kategori Kewangan**

- (a) SATU (1) **DOKUMEN ASAL** berbentuk *hard copy* dan DUA (2) **DOKUMEN SALINAN** berbentuk *hard copy*.
- (b) Semua dokumen sokongan termasuk borang-borang yang telah lengkap diisi hendaklah di jilidkan bersama dengan Tawaran Harga secara *ring bounded* agar tersusun rapi dan tiada kecaciran maklumat.
- (c) Ketiga-tiga Tawaran Harga di atas hendaklah diikat bersekali dan dibalut dengan *brown paper* serta hendaklah ditandakan "**Kategori Kewangan**" di sebelah kiri atas sampul berkenaan.

- 5.2 Kedua-dua Kategori Teknikal dan Kategori Kewangan di atas hendaklah disertakan dengan **DOKUMEN SOKONGAN** yang mengandungi: **Sijil Pendaftaran Kewangan, Pendaftaran Taraf Bumiputera (sekiranya ada), Profil Syarikat, Penyata Bank bagi tiga (3) bulan terakhir dan lain-lain maklumat tambahan** berkaitan **DAN** dimasukkan ke dalam satu sampul bersaiz besar yang berlakri (*sealed*). Sampul/kotak berkenaan hendaklah ditulis seperti berikut:

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
SURUHANJAYA PERSAINGAN (MyCC)  
Level 15 Menara SSM@Sentral,  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur.**

**MyCC(S) Bil.13/2022**

- 5.3 Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen Sebut Harga yang lengkap dan sempurna diisi secara **SERAHAN TANGAN** ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan sebelum tarikh dan waktu tutup Sebut Harga seperti di alamat berikut:

**BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN  
SURUHANJAYA PERSAINGAN (MyCC)  
Level 15 Menara SSM@Sentral,  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral,  
50623 Kuala Lumpur.**

- 5.4 Serahan Dokumen Sebut Harga secara emel/faks **Tidak Akan Dipertimbangkan.**
- 5.5 Semua dokumen yang dikemukakan bersama Dokumen Sebut Harga oleh Penyebut Harga adalah menjadi hak milik SURUHANJAYA dan tidak akan dikembalikan.
- 5.6 SURUHANJAYA tidak terikat untuk menerima Tawaran Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Tawaran Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan tersebut. SURUHANJAYA juga berhak menerima keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Sebut Harga dan keputusan SURUHANJAYA adalah muktamad.
- 5.7 **Tarikh tutup** bagi mengemukakan tawaran ialah pukul **12.00 tengahari, pada 16 Disember 2022 (Jumaat).**
- 5.8 Pihak Suruhanjaya berhak menolak mana-mana dokumen yang tidak lengkap atau lewat diterima.

## **6.0 PERTANYAAN**

- 6.1 Sebarang pertanyaan mengenai sebut harga ini bolehlah menghubungi pegawai yang berkenaan seperti di bawah:

**Encik Mohd Naqib**  
**Tel: 03-2273 2277 ext: 216**  
**Emel: [naqib@mycc.gov.my](mailto:naqib@mycc.gov.my)**

ATAU

**Cik Noor Haffini**  
**Tel: 03-2273 2277 ext: 209**  
**Emel: [haffini@mycc.gov.my](mailto:haffini@mycc.gov.my)**

## **7.0 HARGA TAWARAN**

- 7.1 Harga-harga yang ditawarkan dalam sebut harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas sebut harga ditutup akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sahlaku sebut harga. Harga yang ditawarkan oleh penyebut harga yang berjaya hendaklah dipatuhi sepanjang masa kontrak berjalan dan tidak boleh dibuat sebarang perubahan.

## **8.0 MENARIK BALIK TAWARAN / MENOLAK TAWARAN**

- 8.1 Penyebut harga tidak boleh menarik balik tawaran sebelum sebut harga dipertimbangkan atau menolak tawaran dibuat. Jika penyebut harga



menarik diri atau menolak tawaran, nama penyebut harga akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan Malaysia untuk tindakan tatatertib, termasuk pengantungan pendaftaran.

## **9.0 KEPERLUAN DAN SPESIFIKASI**

9.1 Keperluan dan spesifikasi bagi perkhidmatan yang diperlukan dalam Sebutharga ini adalah dinyatakan dalam Jadual Spesifikasi Teknikal seperti di dalam **Lampiran A3** supaya tidak timbul masalah kesilapan dalam meletak harga.

## **10.0 KADAR DENDA**

10.1 Penyebutharga sekiranya ditawarkan sebut harga ini akan dikenakan denda sekiranya berlaku kesalahan seperti berikut :

- i. Pembekal gagal menepati kualiti perkhidmatan akan dikenakan potongan bil menurut kadar 10% daripada jumlah harga perkhidmatan yang ditawarkan.
- ii. Pembekal gagal melakukan perkhidmatan berdasarkan jadual yang ditetapkan atau mengikut arahan atau permintaan SURUHANJAYA maka akan dikenakan denda sebanyak 5% dari nilai perkhidmatan tersebut. (\*\*kadar denda tertakluk kepada perubahan sekiranya ada).

## **11.0 TEMPOH SAH LAKU TAWARAN**

11.1 Tempoh sah laku sebut harga ini ialah selama 90 hari bermula daripada tarikh sebut harga ditutup. Tempoh ini boleh dengan persetujuan bersama dilanjutkan jika dan apabila perlu.

## **12.0 SETUJU TERIMA SEBUT HARGA**

12.1 Suruhanjaya tidak terikat dengan sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan sebut harga adalah muktamad. Suruhanjaya tidak akan melayan sebarang surat-menyurat yang berupa rayuan dari penyebut harga berkenaan atas sebab-sebab sebut harga mereka tidak berjaya.

## **13.0 PERUBAHAN SYARAT-SYARAT**

13.1 SURUHANJAYA sentiasa berhak mengubah daripada semasa ke semasa syarat-syarat yang dinyatakan dan mulai daripada tarikh yang dinyatakan oleh SURUHANJAYA, perkhidmatan yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut.

13.2 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi perkhidmatan tersebut, maka kos yang terlibat hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua – dua pihak secara bertulis.

#### **14.0 TEMPOH PEMBEKALAN**

14.1 Tempoh bekalan adalah **selama 2 minggu** selepas tarikh surat setuju terima sebutharga. Penyebutharga dikehendaki mematuhi tempoh pembekalan seperti yang dinyatakan dalam dokumen sebutharga ini supaya bekalan dapat dibekalkan pada masa yang ditetapkan.

14.2 Penyebutharga mestilah menyatakan tempoh penyerahan/penyempurnaan bekalan di dalam **Lampiran B4**.

#### **15.0 PENAMATAN PERSETUJUAN**

15.1 SURUHANJAYA berhak menamatkan sesuatu persetujuan.

- i. Dengan memberi notis bertulis kepada Penyebutharga dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya SURUHANJAYA boleh terus menamatkan persetujuan; atau
- ii. Jika Penyebutharga melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam persetujuan ini; atau
- iii. Jika Penyebutharga itu sebagai orang perseorangan atau, apabila Penyebutharga itu adalah satu firma, mana-mana pekongsi firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah terhadapnya atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutang, atau pengurusan bagi pihak seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan - keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulangan; atau
- iv. Jika SURUHANJAYA mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Penyebutharga atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan Penyebutharga) melakukan perbuatan rasuah. Dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan Persetujuan ini tidak menyentuh hak-hak SURUHANJAYA untuk mendapatkan balik ganti rosak.

#### **16.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

16.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawarkan atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu

kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

- 16.2 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada sebarang barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

## **17.0 PENERIMAAN SEBUT HARGA**

- 17.1 Suruhanjaya berhak menerima kesemua atau sebahagian daripada spesifikasi/skop bekalan/perkhidmatan/kerja yang telah ditawarkan daripada mana-mana tawaran sebut harga.

## **18.0 SYARAT-SYARAT TAMBAHAN**

Syarat – syarat tambahan ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

### **18.1 PEMBAYARAN**

- 18.1.1 Pembayaran bagi perkhidmatan ini akan dibuat berdasarkan invois yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Persaingan berserta dengan salinan akaun bank syarikat.

### **18.2 PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI TIDAK SAH ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHU UNDANG-UNDANG**

- 18.2.1 Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain Kerajaan, sekiranya syarikat, kakitangan, pengkhidmat atau pekerjanya disabitkan oleh Mahkamah terlibat dengan rasuah, aktiviti tidak sah atau apa-apa perjanjian-perjanjian lain yang dimasuki oleh syarikat dengan Kerajaan, atau didapati terlibat dengan tipuan bida oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Kerajaan hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa dengan mengemukakan notis bertulis dengan serta merta kepada Syarikat untuk menyatakan sedemikian kepada Syarikat.
- 18.2.2 Kerajaan berhak menuntut daripada Syarikat apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan akibat daripada penamatan itu.
- 18.2.3 Pihak-pihak bersetuju bahawa Syarikat tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan

pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu.

## **19.0 PERTIKAIAN**

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara SURUHANJAYA dengan Penyebutharga mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara SURUHANJAYA dengan Penyebutharga, dirujuk kepada pertimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh SURUHANJAYA dan seorang oleh Penyebutharga. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

## LAMPIRAN A1

### **DOKUMEN ASAL / SALINAN NO. \_\_\_\_\_ DARIPADA 2**

***(sila potong sama ada dokumen asal atau salinan. Jika salinan, sila nomborkan salinan)***

### **KATEGORI TEKNIKAL**

### **MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI TEKNIKAL**

Senarai semak berikut perlulah dimasukkan sebagai MUKA DEPAN di dalam Kategori Teknikal. Penyebut Harga hendaklah memastikan Kategori Teknikal adalah lengkap merangkumi semua item-item yang dinyatakan di bawah. Kegagalan Penyebut Harga melaksanakan demikian akan mengakibatkan Tawaran Sebut Harga Tidak Akan Dipertimbangkan.

No.	NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC(S), Bil.13/2022 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i>			
	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (√)		
		Ditanda oleh Penyebut Harga	Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga	Muka Surat di Tawaran Teknikal
1.	Surat Akuan Pembida yang telah dilengkapi dan ditandatangani <b>Lampiran A2</b>			
2.	Jadual Teknikal Spesifikasi Perkhidmatan yang telah diisi dan dilengkapi <b>Lampiran A3</b>			
3.	Contoh Katalog Perkhidmatan <b>Lampiran A4</b>			

### **PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat yang dinyatakan di atas dan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar dan lengkap.

.....  
Nama Prinsipal :  
No. K.P :  
Tarikh :  
Cop Syarikat :

**SURAT AKUAN PEMBIDA**

Bagi

**SEBUT HARGA BAGI MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI DAN  
MENYELENGGARA SISTEM ACCESS DOOR UNTUK PEJABAT SURUHANJAYA  
PERSAINGAN MALAYSIA**

**SEBUT HARGA MyCC(S) BIL. 13/2022**

Saya, (*Nama Wakil Syarikat*) \_\_\_\_\_ nombor kad pengenalan \_\_\_\_\_ yang mewakili (*Nama Syarikat*) \_\_\_\_\_ no.pendaftaran (*MOF/PKK/CIDB/ROS/ROC/ROB*) \_\_\_\_\_ dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawarkan atau member rasuah kepada mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawar atau member rasuah kepada mana-mana individu dalam Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:-

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....  
Nama:  
No. Kad Pengenalan:

Cop Syarikat:

**JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL**

BIL	KETERANGAN	PEMATUHAN		CATATAN
		YA	TIDAK	
<b>Nota: Pembekal hendaklah mengemukakan katalog/jenama cadangan bagi perkhidmatan yang akan dibekalkan kepada pihak Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)</b>				
1.	<p>Sistem pintu masuk.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Sebanyak 20 pintu pejabat termasuk pintu Utama di 2 tingkat dalam bangunan yang sama.</li> <li>○ Dengan Kuasa sandaran (<i>With backup power</i>)</li> <li>○ Menggunakan Pengesanan Muka (<i>Face Recognition</i>) dan/atau biometrik cap jari dan/atau kad akses.</li> <li>○ Sekurang-kurangnya dua cara untuk akses pintu yang berkaitan.</li> <li>○ Apa-apa aksesori atau pekakasan tambahan yang berkaitan.</li> </ul>			
2.	<p>Perisian untuk sistem pintu masuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Latihan penggunaan sistem pintu masuk</li> <li>○ Kebolehan untuk dipasang di mana-mana komputer lain.</li> <li>○ Kebolehan untuk dipasang pada <i>smartphone</i>.</li> </ul>			

3.	<p>1 Set Komputer</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Cip pemroses Intel i7 (Generasi terkini)</li> <li>○ Sistem operasi "Window 11 Pro "</li> <li>○ Storan berkapasiti 1TB (NvMe)</li> <li>○ RAM 32GB (1 unit)</li> <li>○ With 27-inch monitor</li> <li>○ Perisian <i>Microsoft Office 2021 (Home and Business)</i></li> <li>○ Apa-apa aksesori atau perkakasan tambahan untuk digunakan bersama sistem pintu akses.</li> </ul>			
4.	<p>Apa-apa aksesori atau perkakasan tambahan berkaitan untuk melengkapkan Sistem Pintu Masuk.</p>			



Contoh Katalog Perkhidmatan

**DOKUMEN ASAL / SALINAN NO. DARIPADA 2***(sila potong sama ada dokumen asal atau salinan. Jika salinan, sila nomborkan salinan)***KATEGORI KEWANGAN****MUKA DEPAN DAN SENARAI SEMAK DOKUMEN MANDATORI UNTUK KATEGORI KEWANGAN**

Senarai semak berikut perlulah dimasukkan sebagai MUKA DEPAN di dalam Kategori Kewangan. Penyebut Harga hendaklah memastikan Kategori Kewangan adalah lengkap merangkumi semua item-item yang dinyatakan di bawah. Kegagalan Penyebut Harga melaksanakan demikian akan mengakibatkan Tawaran Sebut Harga Tidak Akan Dipertimbangkan.

No.	NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC(S), Bil.13/2022 <i>(sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</i>			
	Dokumen Yang Perlu Diserahkan	Sila Tanda (√)		
		Ditanda oleh Penyebut Harga	Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga	Muka Surat di Tawaran Harga
1.	Salinan Sijil Akaun Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan <b>Lampiran B2</b>			
2.	Salinan Sijil Akaun Bumiputera Dari Kementerian Kewangan <b>(Sekiranya ada)</b> <b>Lampiran B3</b>			
3.	<b>Lampiran Q</b> yang telah dilengkapkan dan ditandatangani <b>Lampiran B4</b>			
3.	Keterangan Mengenai Pembekal <b>Lampiran B5</b>			
4.	Jadual Harga yang telah diisi dan dilengkapkan <b>Lampiran B6</b>			
5.	Penyata Kewangan Bagi tiga (3) Bulan terakhir dilabelkan <b>Lampiran B7</b>			

<b>NO SIRI DOKUMEN PELAWAAN: MyCC(S), Bil.13/2022 (sila isi no. siri di atas seperti yang tertera di muka depan dokumen pelawaan)</b>				
<b>No.</b>	<b>Dokumen Yang Perlu Diserahkan</b>	<b>Sila Tanda (√)</b>		
		<b>Ditanda oleh Penyebut Harga</b>	<b>Ditanda oleh Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga</b>	<b>Muka Surat di Tawaran Harga</b>
6.	Senarai Nama Projek Yang Pernah Dilaksanakan dilabelkan <b>Lampiran B8</b>			

### **PENGESAHAN OLEH PENYEBUT HARGA**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat yang dinyatakan di atas dan semua maklumat yang dikemukakan adalah benar dan lengkap.

.....  
 Nama Prinsipal :  
 No. K.P :  
 Tarikh :  
 Cop Syarikat :

## **LAMPIRAN B2**

(Sila lampirkan Salinan Sijil Akaun Pendaftaran dari Kementerian Kewangan)

## **LAMPIRAN B3**

Salinan Sijil Akaun Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Sekiranya ada)

**LAMPIRAN Q**

**No. Sebutharga:  
MyCC (S) Bil. 13/2022**

**BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)  
NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN BARANG-BARANG/PERKHIDMATAN**

Kepada (Nama Syarikat) .....

Pelawaan Sebutharga dikeluarkan oleh  
Suruhanjaya (Alamat Lengkap)

**Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Menara SSM@Sentral, Level 15,  
No.7 Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur  
Sentral, 50623 Kuala Lumpur.**

No. Telefon .....

No. Pendaftaran dengan Kementerian

Kewangan .....

Kod Bidang Pendaftaran yang relevan  
dengan pembelian ini

No. Telefon 03-2273 2277

**Sebut Harga Bagi Membekal,  
Menghantar, Memasang, Menguji &  
Menyelenggara Sistem Access Door  
Untuk Pejabat Suruhanjaya Persaingan  
Malaysia (MyCC)  
Sebut Harga MyCC(S) Bil. 13/2022**

Tarikh Pelawaan: **08 Disember 2022 (Khamis)**

1. Sila beri sebutharga untuk bekalan barang-barang/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:

1.1 Syarat Penyerahan/Penyempurnaan 2 minggu selepas Surat Setuju Terima

1.2 Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan dikehendaki Mengikut syarat-syarat dalam kontrak

1.3 Arahan Pengiriman Bahagian Khidmat Pengurusan, Suruhanjaya Persaingan Malaysia

1.4 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul surat berlakri dan bertanda  
No. Sebutharga MyCC (S) Bil. 13/2022

1.5 Sebutharga hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada **16 Disember 2022 (Jumaat), jam 12.00 tengahari.**

1.6 Tempoh sahlaku sebutharga hendaklah 90 hari selepas tarikh  
Tutup

Tarikh: .....

Tandatangan: .....

Nama Pegawai: .....

Jawatan: .....

Bil	Perihal barang-barang/perkhidmatan dan syarat-syarat khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan				Untuk diisi oleh penyebutharga	
	<p><b>Sebut Harga Bagi Membekal, Menghantar, Memasang, Menguji &amp; Menyelenggara Sistem <i>Access Door</i> Untuk Pejabat Suruhanjaya Persaingan Malaysia</b></p> <p><b>Sebut Harga MyCC(S) Bil. 13/2022</b></p> <p>Tarikh Penyerahan/ Penyempurnaan ditawarkan .....</p> <p>* Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan</p>				
				Jumlah	

(i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan

(ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah \* .....  
\*sila nyatakan

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas dengan tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan  
Penyebutharga: .....

Nama dan K/P: .....

Tarikh : ..... Alamat Syarikat: .....

**Mustahak – Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang**  
**SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu atau diubah dengan khususnya oleh penyebutharga.

1. KEADAAN BARANG

Semua barang hendaklah tulin, baru dan belum digunakan

2. HARGA

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan

3. SEBUTHARGA SEBAHAGIAN

Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item

4. BARANG-BARANG SETARA

Sebutharga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi

5. PENYETUJUAN

(i) Suruhanjaya tidak terikat untuk menyetujui terima sebutharga yang terendah atau mana-mana sebutharga.

(ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbang sebagai suatu sebutharga yang berasingan.

6. PEMERIKSAAN

(i) Suruhanjaya adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.

(ii) Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa <sup>Barang-barang</sup><sub>Perkhidmatan</sub> yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam piawaian ini.

8. PENOLAKAN

(i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebutharganya boleh ditolak.

(ii) Apabila diminta penyebutharga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Suruhanjaya segala perbelanjaan yang telah dilakukuan mengenai barang-barang yang ditolak itu.

(iii) Fasal-kecil (i) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Suruhanjaya untuk mendapatkan gantirugi kerana kemungkinan kontrak



9. PENGIKLANAN

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Persaingan terlebih dahulu.

10. TAFSIRAN

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidangkuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. INSURAN

Tiada apa-apa insurans atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.

**BARANG-BARANG EK-STOK ATAU KELUARAN MALAYSIA**

12. CUKAI

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. PEMBUNGKUSAN

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual

14. PENGENALAN

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor catalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

**BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

15. CUKAI

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. MATAWANG

Sebutharga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. PEMBUNGKUSAN

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebutharga.

**KETERANGAN MENGENAI PEMBEKAL**

1. **NAMA SYARIKAT :**
2. **ALAMAT SYARIKAT :**
3. **NO. TELEFON :**  
**NO. FAX :**
4. **TARIKH DITUBUHKAN :**
5. **JENIS SYARIKAT :**
6. **JENIS PERNIAGAAN :**
7. **NAMA Pengerusi :**
8. **KOMPOSISI MODAL :**
9. **LEMBAGA PENGARAH :**
  - a.
  - b.
  - c.
  - d.
  - e.
10. **NAMA DAN KEWARGANEGARAAN AHLI LEMBAGA PENGARAH :**
  - a.
  - b.
  - c.
  - d.

**11. PENDAFTARAN SYARIKAT :**

- a. No. Pendaftaran :
- b. Tarikh ditubuhkan :

**12. PENDAFTARAN PERBENDAHARAAN :**

- a. No. Pendaftaran :
- b. Tarikh Mula Pendaftaran :
- c. Bidang Pendaftaran :
  - i.
  - ii.
  - iii.
  - iv.

**13. STATUS SYARIKAT :**

- a. 100% Kepunyaan Syarikat Tempatan
- b. Perkongsian Antara syarikat Tempatan/ Luar Negeri
- c. Syarikat Luar Negeri
- d. Lain- Lain (Sila Nyatakan)

**14. PERATURAN KAKITANGAN :**

- a. Bumiputera
- b. Bukan Bumiputera

**15. MODAL :**

- a. Modal Dibenarkan :
- b. Modal Berbayar :

**16. BANK :**

- a. Nama Bank :
- b. No. Akaun Bank :

**17. BILANGAN KAKITANGAN :**

	<b>Bumiputera</b>	<b>Bukan Bumiputera</b>	<b>Lain-Lain</b>
Pentadbiran/Pengurusan			
Teknikal/ Profesional			
Lain-Lain (nyatakan)			

Nota: Sekiranya ruangan di atas yang disediakan tidak mencukupi, penyebut harga hendaklah mengemukakan borang tambahan. Walau bagaimanapun, borang tambahan tersebut hendaklah mengandungi tajuk dan bilangan medan yang sama.

**Saya memperakui segala keterangan yang disertakan adalah benar.**

T/TANGAN PENYEBUT HARGA : \_\_\_\_\_

TARIKH : \_\_\_\_\_

NAMA : \_\_\_\_\_

JAWATAN RASMI DALAM SYARIKAT : \_\_\_\_\_

T/TANGAN SAKSI : \_\_\_\_\_

NAMA : \_\_\_\_\_

JAWATAN : \_\_\_\_\_

Suruhanjaya Persaingan (MyCC)  
Level 15 Menara SSM@Sentral,  
No. 7, Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral, 50623 Kuala Lumpur.

**JADUAL TAWARAN HARGA**

<b>Bil</b>	<b>Perkara</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Harga Seunit (RM)</b>	<b>Jumlah Harga (RM)</b>
Untuk Diisi oleh Jabatan			Untuk Diisi oleh Penyebut Harga	
1.	<p>Sistem pintu masuk.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Sebanyak 20 pintu pejabat termasuk pintu Utama di 2 tingkat dalam bangunan yang sama.</li> <li>○ Dengan Kuasa sandaran (<i>With backup power</i>)</li> <li>○ Menggunakan Pengecaman Muka (<i>Face Recognition</i>) dan/atau biometrik cap jari dan/atau kad akses.</li> <li>○ Sekurang-kurangnya dua cara untuk akses pintu yang berkaitan.</li> <li>○ Apa-apa aksesori atau pekakasan tambahan yang berkaitan.</li> </ul>	1 Set		

Bil	Perkara	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah Harga (RM)
Untuk Diisi oleh Jabatan			Untuk Diisi oleh Penyebut Harga	
2.	<p>Perisian untuk sistem pintu masuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Latihan penggunaan sistem pintu masuk</li> <li>○ Kebolehan untuk dipasang di mana-mana komputer lain.</li> </ul> <p>Kebolehan untuk dipasang pada <i>smartphone</i>.</p>	1 Set		
3.	<p>1 Set Komputer</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>○ Cip pemproses Intel i7 (Generasi terkini)</li> <li>○ Sistem operasi "Window 11 Pro "</li> <li>○ Storan berkapasiti 1TB (NvMe)</li> <li>○ RAM 32GB (1 unit)</li> <li>○ With 27-inch monitor</li> <li>○ Perisian <i>Microsoft Office 2021</i></li> </ul>	1 Set		

Bil	Perkara	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah Harga (RM)
Untuk Diisi oleh Jabatan			Untuk Diisi oleh Penyebut Harga	
	<p align="center"><i>(Home and Business)</i></p> <p>Apa-apa aksesori atau perkakasan tambahan untuk digunakan bersama sistem pintu akses.</p>			
4.	<p>Apa-apa aksesori atau perkakasan tambahan berkaitan untuk melengkapkan Sistem Pintu Masuk.</p>	L/S		
<b>Jumlah Keseluruhan (RM)</b>				

## **LAMPIRAN B7**

Sila lampirkan Penyata Kewangan tiga (3) bulan terakhir



## 1. Senarai Pengalaman Perkhidmatan di Lain-lain Agensi :

Bil	Nama Kontrak	Tahun Kontrak Dilaksanakan	Tempoh Pelaksanaan	Organisasi	Nilai Kontrak (RM)	Jumlah Kakitangan yang terlibat
1.						
2.						
3.						
4.						
5.						
6.						
7.						
8.						

Nota: Sekiranya ruangan di atas yang disediakan tidak mencukupi, penyebut harga hendaklah mengemukakan borang tambahan. Walau bagaimanapun, borang tambahan tersebut hendaklah mengandungi tajuk dan bilangan medan yang sama.